



Headline: Sindiket Macau Scam tumpas
Publication/Portal: Kosmo
Date: 26 June 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 10

67 warga China jadikan Malaysia pusat operasi aktiviti haram ditahan di rumah kedai

Sindiket Macau Scam tumpas

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Polis Johor menumpaskan satu sindiket penipuan Macau Scam apabila memberkas 67 warga China dalam serbuan di sebuah rumah kedai di Jalan Eco Casdia, Taman Eco Perniagaan di sini baru-baru ini.

Dalam serbuan pukul 11.30 pagi, Jumaat lalu itu, kesemua suspek termasuk lapan wanita yang ditahan berusia antara 19 hingga 38 tahun.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd. berkata, ketika serbuan dibuat, kesemua suspek didapati sedang mengoperasikan kegiatan haram itu menggunakan 100 unit komputer dan empat unit komputer riba.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati premis terbabit disewa sejak sebulan lalu untuk

digunakan sebagai pusat operasi kegiatan haram berkenaan.

“Polis melakukan serbuan selepas mendapat maklumat berhubung aktiviti Macau Scam, namun selepas menjalankan siasatan, kita juga percaya mereka turut menjalankan kegiatan perjudian online di premis terbabit,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan di sini semalam.

Mohd. Khalil memberitahu, sindiket penipuan Macau Scam terbabit dipercayai menggunakan modus operandi dengan membuat panggilan kepada mangsa dengan memperkenalkan diri sebagai pihak berkuasa atau institusi kewangan.

Katanya, mangsa kemudiannya dimaklumkan kononnya telah terbabit dalam siasatan polis, Jabatan Kastam Diraja Malaysia

atau Bank Negara Malaysia sebelum meminta mereka membuat sejumlah bayaran bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Bagaimanapun, beliau tidak memaklumkan nilai kerugian yang dialami mangsa.

“Hasil siasatan mendapati sindiket ini menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi mereka, namun menyasarkan mangsa yang berasal dari negara mereka sendiri.

“Ini pertama kali sindiket Macau Scam menjadikan rumah kedai sebagai pusat operasi mereka kerana sebelum ini kita pernah menumpaskan sindiket seumpama ini yang pernah beroperasi di rumah kediaman,” ujarnya.

Menurut Mohd. Khalil, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengesan dalang utama



MOHD. KHALIL (depan di kiri) menunjukkan peralatan bagi kegiatan Macau Scam yang dirampas daripada sebuah rumah kedai selepas sidang akhbar di IPD Johor Bahru Selatan di Johor Bahru semalam.

sindiket itu memandangkan kesemua suspek tidak memegang pasport masing-masing ketika serbuan dibuat.

“Kita mendapati mereka ma-

suk ke negara ini secara sah, namun mereka tidak memegang pasport mereka. Oleh itu, kita percaya ada dalang utama di belakang sindiket ini,” katanya.